

## SOROTAN TERHADAP METODE PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BALAGHAH TRADISONAL DAN KONTEMPORARI

### [A REVIEW OF BOTH TRADITIONAL AND CONTEMPORARY TEACHING AND LEARNING ARABIC RHETORICAL METHODS]

NAJIHAH ABD WAHID <sup>1\*</sup>, RAJA HAZIRAH RAJA SULAIMAN <sup>1</sup>, ANAS MOHD YUNUS <sup>1</sup> & NORMILA NORUDDIN <sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Corespondent Email: hazirah@unisza.edu.my

---

Received: 17 July 2021

Accepted: 29 July 2021

Published: 12 August 2021

---

**Abstrak:** Isu-isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran Ilmu Balaghah adalah satu aspek pendidikan yang penting namun sering diabaikan. Pengajaran dan pembelajaran ilmu Balaghah dianggap penting kerana ia berkait rapat dengan bahasa al-Quran yang perlu diberi perhatian oleh setiap Muslim. Artikel ini menyorot beberapa kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran Balaghah Arab menggunakan kaedah tradisional dan moden di Malaysia. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan pemerolehan data secara analisis kandungan dan analisis dokumen. Dapatan artikel ini menunjukkan bahawa isu-isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran Balaghah secara tradisional dan kontemporari masih belum diberi perhatian yang sewajarnya di Malaysia.

**Kata kunci:** Pengajaran, Balaghah,bahasa Arab, isu pengajaran, pendidikan.

**Abstract:** Issues related to the teaching and learning of Balaghah is an important aspect of education but has been neglected frequently. The teaching and learning of Balaghah is considered important because it is closely related to the language of the Qur'an which should be given attention by every Muslim. This article highlights several studies related to the teaching and learning of Balaghah using traditional and modern methods in Malaysia. This article uses a qualitative approach that involves data acquisition by content analysis and document analysis. The findings of this article indicate that issues related to the teaching and learning of Balaghah traditionally and contemporary have not been given proper attention in Malaysia.

**Keywords:** teaching, Arabic Rhetorical, balaghah, Arabic Language, teaching issues, education.

Najihah Abd Wahid, Raja Hazirah Raja Sulaiman, Anas Mohd Yunus & Normila Noruddin . 2021. Faktor-Faktor Kelemahan Pengajaran Balaghah di Malaysia [The Factors of Weaknesses of Teaching Arabic Rhetorical in Malaysia]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(3), 15-25.

## PENGENALAN

Bahasa Arab terdiri dari beberapa cabang ilmu antara lain: Nahu, Saraf, Balaghah, Muthola'ah, Mufradat, Nusus Adab dan lain-lain. Secara ilmiah, Balaghah merupakan suatu disiplin ilmu yang berlandaskan kepada kejernihan jiwa dan ketelitian menangkap keindahan dan

menjelaskan perbezaan yang samar di antara uslub (ungkapan) yang pelbagai. Dengan menguasai konsep-konsep balaghah, kita mampu mengetahui rahsia-rahsia bahasa Arab, serta akan terbuka rahsia-rahsia al-Qur'an dan al-Hadis. Ilmu balaghah terdiri daripada tiga perbahasan ilmu, yaitu ilmu bayan, ma'ani dan badi'.

Ilmu bayan membahaskan pengungkapan suatu fikiran atau perasaan ke dalam ungkapan yang pelbagai. Ilmu ma'ani membahaskan bagaimana kita mengungkapkan suatu idea atau perasaan ke dalam bahasa yang sesuai dengan konteksnya. Sedangkan ilmu badi' membahaskan bagaimana menghaluskan, memperindah dan meninggikan suatu ungkapan.

Keberkesanan suatu pembelajaran ditentukan oleh tercapainya maksud dan tujuan dari pembelajaran tersebut. Banyak komponen yang mempengaruhi tercapainya tujuan pembelajaran, antaranya guru, silibus, strategi dan metode.

Asas pengajaran dan pembelajaran balaghah didedahkan kepada pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah agama. Pelajar-pelajar mula didedahkan dengan ilmu balaghah semasa berada di tingkatan empat hingga ke tingkatan enam. Mereka juga akan mengambil penilaian balaghah dalam kertas Bahasa Arab Tinggi di peringkat SPM, Manakala akan dinilai dalam kertas khusus untuk subjek al balaghah di peringkat STAM.

## PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BALAGHAH

Antara kaedah dan penedekatan yang biasa digunakan oleh tenaga pengajar ialah:

**a) Kaedah Induktif (Al-Tariqat al-Istiqrailiyah/ al-Istinbatiyyah).**

Kaedah ini merupakan kaedah yang sesuai untuk pengajaran mata pelajaran yang mempunyai kepelbagaiaan tajuk. Kaedah ini lebih menumpukan kepada memanfaatkan maklumat-maklumat lepas untuk digabungkan dengan maklumat maklumat baru agar menjadi bahan ilmiah yang dapat disepadukan. Kaedah ini merupakan kaedah terkini yang popular digunakan dalam pengajaran mata pelajaran bahasa yang berteraskan kepada kaedah. Secara umumnya, pengajaran kaedah ini dimulakan dengan contoh-contoh, menghuraikannya dan mengeluarkan kaedah (Husin Sulaiman Qurrah, t.th). Kaedah ini dapat dilangsungkan melalui lima langkah utama dalam pengajaran dan pembelajaran (Nik Mohd Rahimi et al., 1999):

- i. Pendahuluan (al-Tamhid)
- ii. Hubungkait dan perbandingan (al-ribt wa al-muwazanah).
- iii. Rumusan (al-Ta 'mini wa istiqra' al-Qaedah)
- iv. Implementasi (al-Tatbiq)
- v. Kerja Rumah (al-Wajib al-Manzili).

**b) Kaedah Deduktif (Al-Tariqat al-Qiasiyyah).**

Kaedah ini disempurnakan dengan perpindahan daripada hukum umum (kulli) kepada hukum yang lebih khusus (juz 'i). Pengajaran dimulakan dengan menyebut/mengingati kaedah atau hukum secara am dan mengukurnya dengan cara mengemukakan contoh-contoh bagi menyabitkan hukum tersebut (Husin Sulaiman Qurrah, t.th). Dalam mengaplikasikan

pendekatan di atas beberapa kaedah dan teknik digunakan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran balaghah antaranya ialah.

**c) Kaedah Secara Langsung (Tariqah Mubasyarah)**

Kaedah ini memberi keutamaan kepada aspek kemahiran komunikasi menggantikan kemahiran dari segi pembacaan, penulisan dan penterjemahan. Dalam kaedah ini, bahasa pada asasnya ialah kemahiran berkomunikasi yang menjadi alat perhubungan sesama manusia. Kaedah ini mengetepikan penggunaan penterjemahan semasa pengajaran bahasa Arab dijalankan. Mereka yang berpegang kuat kepada kaedah ini menganggap penterjemahan sebagai faktor yang akan merosakkan penggunaan bahasa asing yang sedang dipelajari.

Kaedah ini tidak memberi ruang langsung kepada bahasa ibunda semasa pengajaran bahasa Arab.

Kaedah ini menggunakan kaedah perbandingan dan perkataan seerti atau penghuraian yang cuba menggambarkan tentang perkara yang dipelajari.

**d) Kaedah Terjemah (Tariqah Tarjamah)**

Antara ciri-ciri penting kaedah ini menurut Ahmad Kilani (2001) ialah: Kaedah ini menitik beratkan kemahiran dari segi pembacaan, penulisan dan penterjemahan. Kaedah ini tidak memberi penekanan terhadap aspek kemahiran berkomunikasi.

Kaedah ini menggunakan bahasa ibunda sebagai perantaraan dalam mengajar bahasa-bahasa asing. Dengan kata lain, kaedah ini menggunakan terjemahan sebagai cara paling utama dalam mengajar bahasa asing khususnya bahasa Arab.

Kaedah ini menitikberatkan aspek pengajaran tatabahasa sebagai cara yang penting dalam pengajaran bahasa asing. Ia juga digunakan sebagai kaedah untuk mengukur tentang kesahan bahasa tersebut atau sebaliknya.

**e) Kaedah Gabungan (Tariqah Taulifiah)**

Eklektik yang memberi maksud gabungan. Oleh itu, pendekatan eklektif ialah pendekatan yang menggabungkan kedua-dua pendekatan induktif dan deduktif untuk menghasilkan satu pendekatan pengajaran yang baru. Proses pengajaran yang menggunakan pendekatan ini akan mempunyai dua kaedah pengajaran sama ada menggunakan pendekatan yang cenderung kepada induktif ataupun pendekatan yang cenderung kepada deduktif.

Sebaliknya dengan menggunakan pendekatan eklektif pula, guru boleh memulakan pengajaran dengan menggunakan kaedah yang cenderung kepada deduktif dengan menerangkan generalisasi dan kesimpulan terhadap tajuk yang ingin diajar terlebih dahulu. Kemudian contoh-contoh akan diberikan oleh guru dan pelajar untuk menghuraikan generalisasi tersebut. Akhirnya, para pelajar digalakkan untuk menggunakan generalisasi tersebut dalam konteks dan contoh-contoh yang hampir sama sebagai pengukuhan.

Selain daripada dapat meningkatkan keyakinan guru untuk mengendalikan pengajaran, antara kelebihan pendekatan eklektif ini ialah ia amat sesuai dilaksanakan dalam kelas yang mempunyai pelajar yang memiliki pelbagai kebolehan (Azhar Muhammad, 2008; Wan Faizal

& Suzianah, 2016). Ini kerana pendekatan eklektif ini telah mencantumkan unsur-unsur penting kedua-dua pendekatan induktif dan deduktif untuk menghasilkan satu strategi yang lebih seimbang (Koh Boh Boon, 1981).

**f) Kaedah Interaktif (Tariqah Tawasulliah)**

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, interaktif bermaksud interaksi atau saling bertindak. Menurut Ab Rahman et al., (2003), interaktif adalah pemilihan arahan yang telah diprogramkan oleh pelajar secara aktif dan tersusun supaya 54 pembelajaran lebih bermakna dan memuaskan. Phillips (1997) telah mendefinisikan interaktif sebagai suatu proses memberikan kuasa kepada pengguna untuk mengawal persekitarannya dengan menggunakan komputer (Nor Aisyah, 2005).

Elemen interaktif ini terdiri daripada pelbagai jenis. Menurut Nor Aisyah (2005), terdapat tujuh jenis elemen interaktif yang boleh digunakan dalam sesuatu aplikasi multimedia dan masing-mesej, dari yang ringkas kepada yang sangat rumit.

Melihat kepada pendekatan pembelajaran balaghah yang sedia ada dan telah diperaktikkan sekian lama pengkaji merasakan kaedah pembelajaran sebegini masih dominan kepada pembelajaran berpusat kepada guru, pelajar tidak diberikan ruang untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Justeru, pendekatan pembelajaran kontekstual ini boleh dijadikan alternatif kepada pembelajaran berpusatkan pelajar dalam menyahut seruan kerajaan untuk melahirkan generasi yang mampu bersaing dan bersedia untuk menghadapi persaingan dan cabaran di dalam industri kelak.

Di dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah Al Lughah al arabiyyah al mu'asirah 2018, KPM telah menekankan kepentingan menggunakan pelbagai strategi dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran disamping turut memberi fokus utama kepada pembelajaran berpusatkan pelajar, antaranya ialah, pembelajaran berdasarkan inkuiri, pembelajaran berdasarkan kontekstual, pembelajaran koperatif, sumbang saran, simulasi, tunjuk cara (demonstrasi), permainan, projek dan lawatan.

## **PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TERKINI**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang telah mengeluarkan garis panduan dan matlamat yang perlu dicapai oleh pendidikan Malaysia. Terdapat 4K yang seharusnya dikuasai oleh murid dalam pembelajaran abad ke-21 iaitu komunikasi, pemikiran kritis, kolaboratif dan kreativiti.

Guru seharusnya mempelbagaikan teknik pengajaran mereka dalam pengajaran Bahasa Arab mengikut kesesuaian dan keupayaan murid (Nursafra et al., 2018). Antara teknik yang boleh digunakan oleh guru seperti perbincangan, lakonan, permainan, syarahan, inkuiri, induktif, deduktif dan lain-lain lagi. Pembelajaran berkesan akan berhasil melalui teknik pengajaran yang sesuai dengan disokong oleh penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang menjadikan murid lebih seronok dan minat. Seterusnya murid akan mampu mengemukakan idea-idea kritis dan kreatif dalam komunikasi mereka secara terbimbing (Chew & Shashipriya, 2014; Mazli Sham & Saemah, 2017). Kepelbagaian Sumber Penggunaan bahan sumber yang pelbagai seperti buku-buku, majalah, akhbar, kamus, artikel yang terdapat di

perpustakaan sekolah sangat penting sebagai bahan sokongan dan bacaan lanjutan murid. Selain itu, pembelajaran melalui internet juga akan memberi impak positif ke arah penguasaan kemahiran bahasa. Murid akan mendapat maklumat tambahan melalui akses kendiri daripada bahan-bahan tersebut yang akan meningkatkan kemahiran berfikir di samping memupuk sikap suka membaca dan membentuk peribadi cemerlang.

## **PEMBELAJARAN BERASASKAN TEMA**

PdP berasaskan tema merupakan perkara asas dalam pembelajaran bahasa. Melalui teknik ini, guru mampu mengaitkan kemahiran bahasa, tatabahasa dan unsur-unsur bahasa dalam tajuk-tajuk yang telah ditentukan. Seterusnya guru dan murid mampu mengaitkan kandungan mata pelajaran Bahasa Arab dengan mata pelajaran yang lain secara tidak langsung.

## **PEMBELAJARAN BERASASKAN INKUIRI**

Strategi ini merupakan pendekatan pembelajaran yang melibatkan proses meneroka alam semula jadi dan berasaskan lima fasa:

- i. Menyoal;
- ii. Memeriksa atau menyelidik;
- iii. Mereka cipta;
- iv. Membincangkan; dan
- v. Membuat refleksi.

## **PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK**

Objektif utama pelaksanaan projek adalah untuk pemerolehan pengetahuan yang baharu atau penggunaan pengetahuan sedia ada. Penerangan tentang tugas secara terperinci dan berulang kali serta jelas bagi setiap peranan dan tanggungjawab mereka adalah sangat penting untuk mencapai objektif pembelajaran mereka melalui kerja projek ini.

## **PEMBELAJARAN KOOPERATIF**

Strategi ini memerlukan kerjasama murid yang mempunyai pelbagai kebolehan untuk mencapai satu matlamat yang sama dalam bentuk kumpulan. Peranan setiap ahli diperlukan untuk menunjukkan kefahaman mereka melalui agihan tugas yang diberikan. Pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi daripada gerak kerja berkumpulan ini akan mendorong murid untuk saling berkongsi maklumat bagi mencapai objektif pembelajaran. Contoh aktiviti pembelajaran koperatif Student Team Achievement Division, Jigsaw, Round Robin, Round Table, Team Game Tournament, Team Accelerated Instruction dan Tea Party.

**a) Sumbang Saran**

Tujuan strategi sumbang saran dilakukan adalah untuk menggalakkan pemikiran murid secara imaginasi dan kreatif. Murid digarap untuk memberi sumbangan idea dalam bentuk jawapan, kesimpulan, fakta dan penerangan. Secara amnya, sumbang saran meliputi aktiviti yang sarat dengan idea murid, kepelbagaian idea, idea spontan mahupun perkembangan idea dari murid lain. Selain itu, murid juga tidak digalakkan untuk mengkritik idea rakan yang lain.

**b) Simulasi**

Simulasi boleh dilakukan dengan cuba mewujudkan situasi sebenar bagi sesuatu topik. Simulasi mesti dilakukan dalam keadaan terkawal melalui sosiodrama yang mengandungi skrip dan konflik, mahupun main peranan seperti lakonan spontan.

**c) Tunjuk Cara**

Strategi tunjuk cara boleh dilakukan melalui peranan guru sebagai pelaku yang boleh diperhatikan oleh murid untuk diikuti. Selain guru, murid-murid terpilih juga boleh berperanan sebagai penunjuk cara.

**d) Permainan**

Strategi ini merupakan strategi yang paling diminati oleh murid. Kanak-kanak akan memperolehi pembelajaran yang paling berkesan sekiranya mereka mempelajari sesuatu dengan minat, tujuan dan faedah mereka.

**e) Pembelajaran Luar Bilik Darjah**

Aktiviti ini merupakan aktiviti sokongan yang mampu menjadikan murid lebih mengingati apa yang telah dipelajari. Selain itu, aktiviti ini juga boleh menghindarkan perasaan bosan murid selama belajar di dalam bilik darjah.

**f) Pembelajaran Konstruktivisme**

Pendekatan konstruktivisme merupakan proses pembelajaran murid yang menyokong pembelajaran kendiri (Faisal Mubarak, n.d.; Nik Hassan Basri, 2011). Pengetahuan yang diperolehi oleh murid perlu disusun dan dikembangkan secara aktif oleh murid itu sendiri. Murid akan menggunakan pengalaman dan pengetahuan sedia ada mereka untuk menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan.

**g) Pembelajaran Kontekstual**

Pembelajaran kontekstual adalah konsep belajar yang diwujudkan oleh guru untuk murid mampu mengaitkan pengetahuan dan kandungan pelajaran dengan kehidupan mereka seharian

(Johnson et al., 2007; Romi Afrizal, 2013). Melalui pendekatan ini, murid lebih cenderung untuk berkongsi maklumat sedia ada dengan kandungan pelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan mereka.

## **CADANGAN PENDEKATAN KONTEKSTUAL DALAM PEMBELAJARAN BALAGHAH**

Pendekatan berdasarkan kontekstual (PBK) sangat relevan dipraktikkan dalam PdP ilmu Balaghah di peringkat tinggi khususnya, situasi ini merujuk kepada tiga perkara utama. Pertama, kedudukan ilmu Balaghah dalam ilmu bahasa Arab itu sendiri dan hubungannya dengan ilmu selainnya. Dengan memahami kedudukan ilmu balaghah, perbahasan dalam ilmu balaghah disusun secara mudah. Kedua, hubungan ilmu balaghah dengan budaya melayu, penterjemahan budaya akan mempermudah proses atau metode pembelajaran balaghah. Ketiga, penetapan tujuan akhir pembelajaran ilmu balaghah sebagaimana tujuan awal terbentuk ilmu tersebut. Yakni, sebagai media untuk memahami keindahan bahasa al-Qur'an.

Dalam pembelajaran balaghah, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari, kerana pada dasarnya apa yang dipelajari di dalamnya tidak lepas dari aktiviti harian dan berkomunikasi dengan gaya bahasa sehari-hari. Dalam pada itu, balaghah diperlukan untuk menguasai kandungan al-Qur'an al-Karim yang berisikan ayat-ayat balaghiyah dan cerminan gaya bahasa indah serta dapat ditangkap melalui penguasaan Balaghah.

Bagi memastikan pembelajaran kontekstual berhasil dalam pelaksanaan proses belajar Balaghah, seorang guru atau pensyarah tentunya tidak boleh meninggalkan tujuh komponen yang harus ada dalam menerapkan pembelajaran kontekstual dalam kegiatan pembelajaran Balaghah iaitu kontruktivisme, inkuiiri, bertanya, masyarakat belajar, pemodelan, refleksi, dan penilaian nyata yang dilakukan melalui pembelajaran, komponen tersebut ialah seperti berikut:

Kontruktivisme adalah proses membangun atau menyusun pengetahuan baru dalam struktur kognitif pelajar berdasarkan pengalamannya. Contohnya apabila ingin mengajar bab tasybih guru atau pensyarah terlebih dulu menjelaskan definisi tasybih, memberikan contoh , unsur-unsur, dan topik-topik lain berkaitan tajuk *tasybih*.

- i. Inkuiiri : Guru meminta pelajar untuk memberikan contoh-contoh yang ada disekitar lingkungan kelas, dan guru meminta pelajar untuk menerangkan contoh yang diambil sekitarnya dan mengaitkan dengan tajuk tasybih.
- ii. Bertanya : guru memberikan galakan kepada pelajar untuk bertanya apa sahaja soalan berkaitan tajuk tasybih.
- iii. Masyarakat belajar : Guru menyuruh pelajar untuk berdiskusi dengan kawan sekelas atau bertanya dengan keluarga dan masyarakat sekitar.
- iv. Pemodelan : Guru menunjukkan suatu model atau contoh berkaitan tasybih, dan mendorong pelajar untuk berperanan aktif dalam kegiatan pembelajaran.
- v. Refleksi : Guru mejelaskan kembali dan memberikan kesimpulan atas apa saja yang telah dipelajari tentang tasybih, manakala pelajar diberi ruang untuk terus berbincang dan membuat kesimpulan.

- vi. Penilaian nyata: Guru membuat catatan tentang perkembangan pelajar yang dilakukan sepanjang aktiviti PdP. Kemudian guru akan membuat penilaian terus dengan memberikan latihan soalan atau dengan kerja rumah.

Pada prinsipnya, ilmu balaghah dikembangkan sebagai medium untuk memahami dan mengkaji al-Quran dan hadis mengikut keperluan disiplin-disiplin tertentu umpamanya keperluan mengeluarkan hukum dan keperluan menjelaskan tauhid dan keperluan memahami maksud bagi ulamak tafsir (Fikri Nordin, 2016).

Pelajar dikatakan dapat mengaitkan teori, kaedah serta contoh contoh yang terdapat dalam ilmu Balaghah dengan kehidupan sebenar sekiranya mereka dapat menggunakan pengetahuan mereka untuk menganalisis data dalam memahami isu dan masalah yang berlaku di sekeliling, pelajar yakin menggunakan untuk menerangkan sesuatu aplikasi yang kompleks dalam dunia sebenar dan murid menganggap pembelajaran bukan sahaja kesinambungan daripada pembelajaran yang lepas, tetapi menggunakan kefahaman yang telah diperoleh dalam sesuatu konteks untuk menyelesaikan masalah lain dalam kehidupan sekeliling mereka.

Untuk mencapai matlamat tersebut, salah satu penekanan yang perlu diberikan dalam proses pembelajaran ialah membuat kaitan dalam Balaghah iaitu sama ada mengaitkan konsep yang diajar dalam subjek balaghah dengan mata pelajaran lain, mahupun mengaitkan konsep balaghah dengan aktiviti-aktiviti sebenar dalam kehidupan murid.

Hal ini secara tidak langsung dapat membantu mereka mencapai objektif-objektif belajar balaghah seperti menghubungkaitkan ilmu balaghah dengan bidang ilmu yang lain serta membudayakan penggunaan pengetahuan dan kemahiran balaghah secara berkesan dan bertanggungjawab.

Pembelajaran yang mengaitkan konsep balaghah dengan situasi harian murid ini selari dengan teori pembelajaran kontekstual yang menyatakan bahawa pembelajaran akan berlaku apabila murid dapat memproses maklumat baru dengan mencari hubungan dengan pengalaman yang mereka telah lalui dalam kehidupan mereka (Hussain et al., 2008).

Pengajaran dan pembelajaran ilmu balaghah memerlukan sebuah pendekatan yang berpusatkan pelajar. Justeru, pendekatan pembelajaran kontekstual ialah salah satu pendekatan yang sesuai yang dapat digunakan oleh guru dalam proses pdp.

Pembelajaran kontekstual mengacu kepada keadaan kehidupan nyata yang dialami pelajar yang dikaitkan dengan isi kandungan pelajaran yang diberikan. Sehingga pelajar mampu menerima pelajaran dengan mudah, kerana mereka tidak menghafal melainkan mengalami apa yang dipelajari. Pembelajaran kontekstual mengandung tujuh asas yang menjadi landasan teorinya, iaitu : 1. Konstruktivisme, 2. Inkuiri, 3. Bertanya, 4. Masyarakat belajar, 5. Pemodelan, 6. Refleksi, 7. Penilaian nyata. Kesemua asas tersebut mendorong pelajar untuk ikut terlibat dalam pembelajaran yang diajarkan guru.

Pembelajaran kontekstual akan membuat pelajar mampu mengembangkan pemikirannya dalam mendefinisikan suatu pelajaran yang ada, dan membuat pelajar mengeluarkan berbagai idea pemikiran yang berbeza

## KESIMPULAN

Justeru melihat kepada kelemahan pelajar dan kurang minat dalam mempelajari balaghah, penerapan pembelajaran kontekstual dilihat sangat praktikal untuk diterapkan kedalam proses pembelajaran balaghah, kerana pembelajaran kontekstual akan menghubungkan keadaan kehidupan nyata yang dialami pelajar dengan pelajaran balaghah, kesannya akan memudahkan pelajar dalam memahami pelajaran sehingga akan meningkatkan hasil prestasi belajar mereka didalam belajar balaghah.

## PERAKUAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan di bawah geran SRGS bertajuk PENTAFSIRAN BAHARU AHLI BAYT BERASASKAN DIWAN AL SHAFI'I UniSZA/SRGS-FKI/2018/01. Ucapan penghargaan pada pihak CREIM UniSZA di atas kerjasama dan dana bagi menyiapkan projek ini.

## RUJUKAN

- 'Ali al-Jarim & Mustafa Amin. 1984. *Al-Balaghah al-Wadihah: al-Bayan wa al-Ma'ani wa al-Badi'*. Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- A.M Putri , S. Khanafiyah, H. Susanto. 2014. Penerapan Model Pembelajaran Kontekstual Dengan Pendekatan Snowball Throwing Untuk Mengembangkan Karakter Komunikatif Dan Rasa Ingin Tahu Siswa Smp. *Unnes Physics Education Journal* 3(1): 54-60.
- Abd al-'Alim Ibrahim. 2002. *Al-Muwajjih al-Fanniy li Mudarris al-Lughat al-'Arabiyyah*. Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Abdul Aziz Ibrahim, Mohd Zaki Abdul Rahman & Azhar Muhammad. Penggunaan Komponen Retorik Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 2(2): 1-16.
- Abdul Hakim, A. 2008. Pengajaran Balaghah Peringkat STPM di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 1(1): 83–97.
- Abdul Hakim, A., & Mustafa, C. O. 2016. A Prolonged Dilemma: Traditional Curriculum of Arabic Rhetoric (Balaghah) in Malaysia. *The Social Sciences* 11(6): 1008–1014.
- Abdul Hakim, A., Ab Aziz, S., Wan Ismail, W. A., & Hafisah, Z. 2014. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Menengah Rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat, Kota Bharu Kelantan. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, hlm. 1-10
- Abdul Jalil, O., Normarini, N., Ghazali, D., & Saedah, S. 2011. Cabaran Guru Program LINUS dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. *Masalah Pendidikan* 34: 37–51.
- Abdul Kadir. 2013. Konsep Pembelajaran Kontekstual di Sekolah. *Dinamika Ilmu* 13(3): 17–38.
- Abdul Razif, Z., Muhammad Redzaudin, G., Mohd Rufian, I., Noorshamsinar, Z., Hasmadi, H., & Mohamad Rushdan, H. A. 2017. Permasalahan dalam Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. *Conference: Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan 2017At: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, hlm. 1-8.
- Al-'Abbas, Fadal Hasan. 1987. *Al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha*. Irbid: Dar al-Furqan.

- Abdullah Tahmim. 1999. Pengajaran Balaghah di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi. *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*, hlm. 33–41
- Abu Hasan, Erlind. 2014. Penggunaan peta minda dalam pembelajaran Balaghah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Perak, Melaka, Malaysia. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia..
- Ahmad Redzaudin, G., Mohamad Rofian, I., Khairatul Akmar, A. L., Adnan, M. A., & Daoh, M. 2016. Analisis Keperluan Pembangunan Modul Balaghah bagi Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2016*, hlm. 261–268.
- Anuar bin Sopian. t.th. Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah Di Sekolah Agama Rakyat (SAR) Negeri Melaka. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*, hlm. 49-63.
- Chew Fong Peng & Shashipriya Nadarajan. 2014. Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 4(2): 10-24.
- Fikri Nordin, M.Z. 2016. *Wacana kepimpinan Rasulullah SAW*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johnson, B., Stevens, J. J., & Zvoch, K. 2007. Teachers' Perceptions of School Climate: A Validity Study of Scores from The Revised School Level Environment Questionnaire. *Educational and Psychological Measurement* 67(5): 833–844.
- Kaylene, C. W., & Caroline, C. W. 2011. Five Key Ingredients for Improving Student Motivation. *Res High Educ J* 12: 1–23.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Kementerian Pendidikan Malaysia: t.pt.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Kurikulum Bersepadu Dini al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum: t.pt.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah. t.tp.: Cepat Cetak Sdn. Bhd.
- Koh Boh Boon. 1981. *Pengajaran bahasa Malaysia Siri Pendidikan Bahasa Utusan Jabatan Pendidikan Bahasa, Universiti Malaya*: t.tp.: t.tp.
- Mazli Sham, A., & Saemah, R. 2017. Kemahiran Membuat Keputusan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Seminar Pendidikan Serantau Ke-VIII*, hlm. 124–127.
- Mohamad Syukri, A. R., Daoh, M., Muhammad Redzaudin, G., Mohd Rufian, I., Mohd Izzudin, M. P., & Nurfida'iy, S. 2018. Pendekatan Pengajaran Ilmu Balaghah di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(14): 48–58.
- Mohammad Haafiz, A., Mohd Khairuddin, A., & Khalid Johari. 2018. Pengajaran Guru dan Kepercayaan Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJ - SSH)* 3(3): 136–147.
- Mohd Zulkhairi, A. H.. 2012. *Reka Bentuk Perisian Pembelajaran Balaghah Arab Peringkat Sekolah Menengah*. Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. t.tp.: t.pt.
- Nazri Atoh, Saipolbarin Ramli & Muhammad Zulkifli. Keberkesanan Pengajaran Al-Balaghah Al-'Arabiyyah dengan Menggunakan Contoh Ayat Al-Quran. *International Conference on Teaching & Learning of Languages 2017*, hlm. 384-389.
- Nik Ab Kadir, Nik Hassan Basri. 2011. Pemerkasaan Bahasa Melayu Melalui Penerapan Pendekatan Pembelajaran Kontekstual: Satu Anjakan Teori dan Amalan in ATIKAN. *Jurnal Kajian Pendidikan* 1(1): 141-152.

- Nor Aishah Buang. 2005. Entrepreneurship education system in higher education institutions: A comparison between Malaysia and Thailand. *5th comparative education society of Asia biennial conference 2005* hlm. 30-31.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak & Maimun Aqsha Lubis. 2018. Strategi Penyoalan Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran Berfikir Kritis. *ASEAN Comparative Education research Hournal n Islam and Civilization (ACER-J)*. 2(1): 72-87.
- Raja Hazirah Raja Sulaiman, Nurazan Mohmad Rouyan, Shuhaida Hanim Mohamad Suhane & Muzammir Anas. Keberkesanan Metode Perbandingan Retorika Melayu dan Arab Untuk Meningkatkan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Balaghah. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, hlm. 1-9.
- Sayyid Ahmad Hashimiyy. 1991. *Jawahir al-Balaghah fi al-Ma'ani wa al-Bayan wa al-badi'*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Sampiril, T. T. 2019. Pembelajaran Bahasa Arab dengan Pendekatan Conteクstual Teaching and Learning (CTL). *Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab V*, hlm. 44–49.
- Yayan, N., Maman, A., Maman, Z., Aziz, R., Ninik, N. H., & Dindin, I. 2009. Pengembangan Materi Ajar Balaghah Berbasis Pendekatan Kontrastif untuk Meningkatkan Kualitas Mahasiswa Bahasa Arab FPBS UPI. *Jurnal Penelitian* 10(2): 1–13.
- Zamri, A., Zulazhan, A. H., & Kaseh, A. B. 2013. The readability of Balaghah Textbook of Malaysian Higher Certificate of Religion (STAM): A Pilot Study. *Advances in Natural and Applied Sciences* 7(2): 192-200.